

**SULIT**

**1249**

**1249  
SEJARAH  
KERTAS 1/2  
NOVEMBER  
2003**

**PERSIDANGAN KEBANGSAAN PENGETUA  
SEKOLAH MENENGAH MALAYSIA  
CAWANGAN TERENGGANU  
*DENGAN KERJASAMA*  
JABATAN PENDIDIKAN TERENGGANU**

**PEPERIKSAAN AKHIR TAHUN 2003**

**TINGKATAN EMPAT**

---

**SEJARAH**

**PERATURAN PEMARKAHAN**

---

**UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA**

---

Peraturan pemarkahan ini mengandungi 9 halaman bercetak

**[Lihat sebelah  
SULIT**

**PERSIDANGAN KEBANGSAAN PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA  
CAWANGAN TERENGGANU  
DENGAN KERJASAMA  
JABATAN PENDIDIKAN TERENGGANU**

**PEPERIKSAAN AKHIR TAHUN 2003**

**TINGKATAN : EMPAT**

**PERATURAN PEMARKAHAN, SKEMA JAWAPAN  
DAN JAWAPAN OBJEKTIF**

<b>KOD MATA PELAJARAN :</b>	<b>1249/1</b>
<b>MATA PELAJARAN :</b>	<b>SEJARAH</b>
<b>KERTAS :</b>	<b>SATU</b>

**Jawapan objektif KERTAS 1**

No. Soalan	Jawapan	No. Soalan	Jawapan	No. Soalan	Jawapan	No. Soalan	Jawapan	No. Soalan	Jawapan
1.	A	17.	B	33.	C	49.		65.	
2.	D	18.	C	34.	C	50.		66.	
3.	C	19.	A	35.	A	51.		67.	
4.	A	20.	D	36.	C	52.		68.	
5.	B	21.	B	37.	A	53.		69.	
6.	B	22.	A	38.	B	54.		70.	
7.	C	23.	A	39.	B	55.		71.	
8.	B	24.	C	40.	D	56.		72.	
9.	A	25.	B	41.		57.		73.	
10.	B	26.	C	42.		58.		74.	
11.	D	27.	D	43.		59.		75.	
12.	A	28.	D	44.		60.		76.	
13.	C	29.	D	45.		61.		77.	
14.	A	30.	D	46.		62.		78.	
15.	B	31.	C	47.		63.		79.	
16.	A	32.	B	48.		64.		80.	

# SEJARAH KERTAS 2 (TINGKATAN 4)

SULIT

2

1. a) i. Maksud konsep Tamadun menurut masyarakat Barat:  
Tamadun dikaitkan dengan pembangunan lahiriah terutama dalam hal-hal kebudayaan (penulisan, undang-undang, kesenian dan pembedaan) (1 markah)
- ii. Maksud konsep tamadun menurut pandangan Islam :  
Tamadun merangkumi pembangunan lahiriah dan rohaniah. (1 markah)
- b) Dua sebab tamadun awal wujud di Lembah Sungai:
- |      |   |    |
|------|---|----|
| i.   | Kesuburan tanah untuk tujuan pertanian              | 1m |
| ii.  | Kemudahan untuk mendapatkan bekalan air dan makanan | 1m |
| iii. | Kemudahan pengangkutan dan perhubungan              | 1m |
- (max 2 markah)
- c) Tiga sumbangan tamadun Mesopotamia
- |       |   |    |
|-------|---|----|
| i.    | Kod Undang-undang Hammurabi                 | 1m |
| ii.   | Sistem tulisan bergambar/ simbol/ cuneiform | 1m |
| iii.  | Ilmu Astronomi dan ilmu matematik           | 1m |
| iv.   | Ilmu perubatan                              | 1m |
| v.    | Penciptaan roda                             | 1m |
| vi.   | Layar kapal dan kenderaan beroda            | 1m |
| vii.  | Batu bata daripada tanah liat               | 1m |
| viii. | Mencipta arca dan tiang batu                | 1m |
- (max 3 markah)
- d) Tiga sumbangan tamadun Mesir Purba
- |      |  |    |
|------|--|----|
| i.   | Seni bina – piramid                                | 1m |
| ii.  | Penciptaan kertas daripada pokok papyrus           | 1m |
| iii. | Sistem tulisan hieroglif                           | 1m |
| iv.  | Mewujudkan sistem pendidikan                       | 1m |
| v.   | Ilmu geometri, Astronomi, Matematik dan Sains      |    |
| vi.  | Ilmu perubatan terutama dalam proses memumia mayat | 1m |
| vii. | Memperkenalkan sistem kalendar                     |    |
- (max 3 markah)

**SULIT**

2. a) Maksud Hijrah

Perpindahan Nabi Muhammad s.a.w. dan orang Islam dari Makkah ke Madinah

(1 markah)

b) Dua sebab Hijrah

- i. Perintah Allah s.w.t. melalui wahyu.
- ii. Ancaman di Makkah menjejaskan penyebaran Islam
- iii. Meneruskan penyebaran Islam
- iv. Jemputan penduduk Madinah

(2 markah)

c) Dua alasan menolak dakwaan orientalis barat bahawa hijrah nabi satu pelarian

- i. Dijemput oleh orang Arab Madinah
- ii. Ketibaan Baginda disambut baik oleh orang Arab Madinah
- iii. Diberi tempat tinggal yang sempurna
- iv. Dijamin keselamatan di Madinah
- v. Nabi Muhammad s.a.w. dilantik sebagai pemimpin Madinah

(2 markah)

d) Tiga kepentingan Hijrah

- i. Penyebaran Islam dapat dijalankan secara aman.
- ii. Persaudaraan orang Islam Makkah dan Madinah
- iii. Pembinaan masjid al-Nabawi sebagai tempat kegiatan Islam.
- iv. Permulaan takwim hijrah / kelendar Islam
- v. Kewujudan negara Islam Madinah
- vi. Kedudukan wanita dimuliakan
- vii. Kebijaksanaan dan ketokohan Nabi Muhammad s.a.w.
- viii. Semangat bersatu padu dan bekerjasama dalam ummah

(3 markah)

e) Dua teladan daripada peristiwa hijrah

- i. Berusaha melakukan perubahan ke arah kebaikan
- ii. Bersungguh-sungguh dalam melakukan sesuatu
- iii. Sanggup berkorban untuk mencapai kejayaan
- iv. Persaudaraan dan hubungan baik sesama manusia.

(2 markah)

**SULIT**

3. a) Dalam konteks agama, DUA tanggungjawab khalifah ialah

- i. Memelihara keharmonian Islam 1m
- ii. Mengekalkan keharmonian dan kestabilan umat Islam 1m

(max 2 markah)

b) Syura atau musyawarah ialah pemesyuaratan atau perundangan untuk mengambil keputusan tentang sesuatu perkara (2 markah)

c) Baiah bermaksud perakuan sumpah taat setia yang diberikan kepada seseorang yang dilantik sebagai pemimpin atau khalifah. (2 markah)

d) EMPAT kaedah pemilihan khalifah

- i. Musyawarah atau syura 1m
- ii. Cadangan satu nama sahaja 1m
- iii. Pemilihan di kalangan beberapa orang calon 1m
- iv. Pencalonan oleh sekelompok masyarakat 1m

(max 4 markah)

4. a) EMPAT cara penyebaran Islam di Asia Tenggara

- i. Perdagangan 1m
- ii. Perkahwinan 1m
- iii. Pengislaman Raja dan bangsawan 1m
- iv. Peranan kerajaan Islam 1m
- v. Peranan Pusat kebudayaan 1m
- vi. Peranan Mubaligh 1m
- vii. Keistimewaan Islam 1m

(max 4 markah)

b) DUA kerajaan Islam di Asia Tenggara sebelum kewujudan kerajaan Islam Melaka

- i. Perlak 1m
- ii. Samudra Pasai 1m

(2 markah)

c) EMPAT cara yang digunakan pedagang untuk menyebarkan Islam

- i. Pedagang berdakwah ketika menjalankan aktiviti perdagangan 1m
- ii. Pedagang menunjukkan sikap dan akhlak yang baik ketika berdagang 1m
- iii. Pedagang berhubung baik dengan pemerintah tempatan 1m
- iv. Pedagang berkahwin dengan gadis (penduduk) tempatan 1m

(4 markah)

## SULIT

### 5. a) Ciri-ciri sistem pemerintahan Republik di Rom

- Mutlak - Tiada pemerintah berkuasa mutlak
- Konsul - Kuasa tertinggi terletak pada dua orang konsul yang dilantik oleh Dewan Senat untuk sesuatu tempoh
- Kuasa Senat - Dengan ada dua konsul, antara mereka tidak ada yang lebih berkuasa
- Peranan - Konsul dibantu oleh Dewan Senat - diwakili oleh golongan bangsawan
- Praeoter - Peranan Dewan Senat bagi membincangkan hal-hal pentadbiran negara dan merangka perundangan
- Perhimpunan - Sebelum seseorang ahli Dewan senat dilantik sebagai konsul, beliau ialah praeoter, iaitu pemerintah tentera
- Lulus - Di bawah Dewan Senat ialah Dewan Perhimpunan yang diwakili oleh semua rakyat Rom
- Lulus - Segala keputusan Dewan Senat disampaikan kepada Dewan Perhimpunan untuk diluluskan

(8 isi x 2 markah = mak 10 markah)

### b) Peperiksaan awam kerajaan China

- Tahap - Mengandungi tiga tahap iaitu tahap pertama Hsiu Tai; tahap kedua Chun Jen; dan tahap ketiga Chin Shih
- Taraf - Tahap pertama setaraf dengan ijazah pertama; tahap kedua setaraf dengan sarjana dan tahap ketiga setaraf dengan doktor falsafah
- Peperiksaan - Peperiksaan tahap pertama dijalankan di daerah; tahap kedua di ibukota, dan tahap ketiga di ibu kota empayar yang bertempat di istana iaitu di hadapan Maharaja
- Lulus - Mereka yang lulus tahap pertama atau ijazah pertama berpeluang menjadi pegawai kerajaan dan lulus tahap ketiga layak menjadi pendidik
- Masa - Tahap pertama di adakan dua kali dalam tempoh tiga tahun manakala tahap kedua dan ketiga di adakan tiga tahun sekali
- Ketat - Dikendalikan dengan ketat, di mana mereka yang meniru dikenakan hukuman mati
- Kurung - Untuk memastikan tidak berlaku penipuan, pemeriksa akan dikurung sebelum tiba hari peperiksaan
- Tempat Jawapan - Calon akan ditempatkan di dalam bilik dan disediakan makanan
- Jawapan - Calon dikurung selama tiga hari untuk menulis jawapan

(9 isi x 2 markah = mak 10 markah)

6. a) Faktor-faktor yang membawa kemajuan perdagangan kerajaan Maritim.

- Laluan
- Berada dilaluan perdagangan yang penting antara barat dan timur.
- Memiliki pelabuhan untuk menjalankan kegiatan perdagangan
- Mengembangkan berkecambah menjadi pelabuhan entrepot
- Pelabuhanya terlindung daripada tupan angin monsun.
- Pelabuhanya senang dituju oleh kapal pedagang kerana memiliki
- Penanda seperti Gunung Jerai untuk Pelabuhan Lembah Bujang.
- Pelabuhanya memiliki pelbagai kemudahan perdagangan seperti
- gudang, membaiki kapal, tempat penginapan.
- Menjadi tumpuan pedagang-pedagang dari barat dan timur.
- Kawasan sekitarnya kaya dengan barangan perdagangan.
- Wujud hubungan yang erat dengan kawasan sumber barangan.
- Menjalin hubungan yang baik dengan kuasa-kuasa besar seperti
- China dan India.
- Kerajaan yang wujud adalah kerajaan yang stabil dengan diterajui oleh
- pemimpin yang berwibawa seperti kerajaan Sriwijaya dan Kedah Tua
- Penduduknya mahir dengan keadaan di laut / semangat meneroka /
- mahir membina kapal yang mampu belayar dalam jarak jauh.
- Memiliki angkatan tentera yang kuat yang mampu menjamin
- keselamatan seperti Sriwijaya.
- Mengawal laluan perdagangan yang penting seperti Sriwijaya yang
- dapat mengawal laluan Selat Melaka.
- Bahasa Melayu sebagai lingua franca / bahasa perhubungan dalam
- kegiatan perdagangan.

(14 isi x 2 markah = mak 10 markah)

b) Faktor saling bergantung kerajaan agraria dan kerajaan maritim.

- Pasar
- Kerajaan agraria memerlukan kerajaan maritim untuk pasaran lebihan
- barangan yang mereka keluarkan.
- Masyarakat agraria memperoleh barangan mewah yang tidak mereka
- keluarkan seperti tembikar daripada kerajaan maritim.
- Kerajaan maritim memperoleh bekalan makanan seperti beras dan hasil
- ternakan daripada kerajaan agraria.
- Barangan perdagangan seperti hasil pertanian dan hutan yang diperdagang
- kan oleh kerajaan maritim diperolehi daripada kerajaan agraria.
- Kayu yang digunakan oleh penduduk kerajaan maritim untuk
- membina kapal diperolehi daripada kerajaan agraria.
- Kerajaan agraria seperti kerajaan Salindera mempunyai penduduk
- yang ramai yang boleh dijadikan tenaga buruh untuk dibekalkan
- kepada kerajaan maritim.
- Petukang-petukang mahir diperolehi oleh kerajaan maritim daripada
- kerajaan agraria.
- Gajah yang menjadi tunggangan raja kerajaan maritim
- diperolehi daripada kerajaan agraria.

(8 isi x 2 markah = mak 10 markah)

7. a) Ciri-ciri masyarakat Arab Jahiliyah

-	Golongan	Dapat dibahagikan kepada dua golongan iaitu golongan Badwi dan golongan Hadari.
-	Amalan	Mengamalkan amalan yang tidak bermoral seperti judi, minum arak dan berzina.
-	Wanita	Golongan wanita dipandang rendah dan boleh menajutahkan maruah.
-	Tanam	Amalan menanam bayi perempuan hidup-hidup.
-	Berkahwin	Lelaki boleh berkahwin dengan beberapa wanita yang disukai/ Tidak eraturan khusus
-	Rompak	Merompak adalah satu kegiatan ekonomi.
-	Perniagaan	Perniagaan yang dijalankan berasaskan amalan riba.
-	Eksplloitasi	Berlaku eksploitasi golongan kaya terhadap golongan miskin
-	Kepercayaan	Mengamalkan beberapa kepercayaan seperti menyembah berhala, pokok dan tilik nasib.
-	Agama	Terdapat empat bentuk kepercayaan agama – wathani, animisme, samawi dan kepercayaan (seperti tilik nasib, sihir dan mempercayai roh orang mati menjadi burung)
-	Hanif	Sebilangan kecil menganut agama Hanif
-	Kabilah	Hidup dalam system kabilah / berpuak-puak / bersuku-suku.
-	Assabiah	Semangat assabiah / kesukuan yang tinggi.
-	Perang	Seing berperang antara kabilah / suku kerana dipengaruhi oleh semangat assabiah.

(14 isi x 2 markah = mak 10 markah)

b) Keperibadian nabi Muhammad s.a.w sebelum menjadi rasul.

-	Sifat	Memiliki empat sifat terpuji iaitu benar, dipercayai, menyampaikan dan bijaksana.
-	Al-Amin	Digelar al-amin kerana dipercayai dan tidak pernah berbohong.
-	Amanah	Amanah kepada tanggungjawab yang diberikan seperti mengendalikan perniagaan Siti Khadijah.
-	Kepimpinan	Memiliki sifat kepimpinan seperti menyelesaikan peristiwa Hajar Aswad Ketua keluarga yang boleh di contohi seperti membantu isteri.
-	Teladan	Menjadi teladan kepada anak-anak seperti dalam soal pendidikan agama.
-	Merendah	Sikap merendah diri seperti suka bergaul dengan semua orang.
-	Sederhana	Mengamalkan cara hidup yang sederhana
-	Usaha	Berusaha mencari cara untuk mengubah corak hidup masyarakatnya yang terikat dengan ciri-ciri jahiliyah.
-	Sabar	Sabar dan tabah dalam pekerjaan seperti mendaki Bukit Nur untuk mencari tempat ibadat.
-	Berserah	Sentiasa berserah sepenuh jiwa raga kepada Allah s.w.t.
-	Penyayang	Bersifat penyayang terhadap orang tua dan kanak-kanak
-	Bertahannuth	Suka bertahannuth (mengasingkan diri untuk beribadat)

(13 isi x 2 markah = mak 10 markah)



8. a) Unsur baru yang dibawa oleh agama Islam dalam bahasa dan sastra serta kesenian di Tanah Melayu.

**Bahasa dan Kesusasteraan:**

Muncul tulisan Jawi hasil daripada penggunaan huruf Arab yang

disusunkan dengan tulisan Melayu

Menambah perbendaharaan kata Bahasa Melayu

Memperkembangkan penulisan karya dalam bentuk prosa dan puisi

seperti kisah-kisah Nabi Muhammad s.a.w. dan para sahabat

Menambah perbendaharaan persuratan Melayu dengan munculnya karya-karya saduran bercorak Arab-Parsi.

Persuratan

**Kesenian:**

Hasil seni selapas kedatangan Islam merupakan gabungan antara elemen

agama dengan kehulusan seni tempatan

Menghasilkan seni bina yang sesuai dengan kegunaannya seperti seni

bina masjid sebagai tempat solat dan tempat perkumpulan sosial

Mewujudkan seni bina yang mempunyai ciri-ciri khas seperti pada

masjid, binaan rumah dan istana.

Seni ukir dengan elemen Islam seperti motif bunga-bunga, tumbuh-

tumbuhan dan geometri telah berkembang.

Orang Melayu prihatin terhadap seni epigrafi seperti pada batu nisan dan

batu berturat.

Perkembangan seni tulisan khat atau kaligraf

Persembahan muzik, tari dan nyanyian dengan pengaruh Asia Barat

seperti tarian dabus, syair nazam serta dalam seni kata lagu.

(11 isi x 2 markah = mak 14 markah)

b) Usaha kerajaan menyertakan nilai-nilai Islam dalam kehidupan masyarakat kini

Undang-undang yang digunakan oleh Negeri-negeri Melayu mempunyai

asas syariah yang kuat

Pentadbiran dan pemerintahan Islam dijalankan sebaik mungkin

Sultan atau raja menjadi tunjang kekuatan kerajaan dan agama

Banyak aspek Islam diterapkan dalam bidang sosial seperti pendidikan,

bahasa, sastra serta kesenian.

Elemen-elemen ekonomi Islam diamalkan di negara kita

(5 isi x 2 markah = mak 06 markah)

\*Jika pelajar hanya memberi contoh, 2 markah juga diberi

e.g. Penubuhan Universiti Islam Antarabangsa-lelakkan bawah tema sosial

Kewujudan Bank Islam atau system perbankan Islam - lelakkan di bawah tema

ekonomi

Adanya Mahkamah Syariah-lelakkan di bawah tema undang. dsbnya

## SULIT

### 9. a) Peranan Institusi Kewangan dan Insurans dalam perkembangan ekonomi:

- Pinjaman - Menyediakan kemudahan pinjaman kepada pelabur
  - Industri - Memaju dan memesatkan lagi industri getah dan bijih timah secara tidak langsung
  - Kewangan - Memperkenalkan sistem kewangan moden yang berorientasikan keuntungan dengan memperkenalkan kadar faedah yang tinggi
  - Dana - Dana dari luar negara dapat disalurkan terus ke Tanah Melayu dengan lebih mudah dan cepat
  - Pembayar - Bertindak sebagai ejen pembayar kepada pengeksport dan pengimport yang membolehkan urusan perniagaan antarabangsa bertambah licin
  - Menjana - Menjana pertumbuhan sektor ekonomi sesebuah negara
  - Maritim - Melindungi dagangan dan kapal dagangan
  - Kebakaran - Melindungi harta benda akibat daripada kebakaran
  - Perdagangan - Mempertingkatkan perkembangan ekonomi dalam perdagangan antarabangsa
- (9 isi x 2 markah = mak 06 markah)

### b) Faktor-faktor kemunculan bandar baru:

- Ekonomi - Perkembangan ekonomi menyebabkan berlakunya proses pembandaran terutama di kawasan yang kaya dengan sumber semula jadi
  - B/Timah - Kuala Lumpur, Taiping dan Seremban
  - Petroleum - Bandar Miri muncul hasil daripada perkembangan perlombongan petroleum
  - Penduduk - Pertambahan penduduk di sesuatu kawasan serta berfungsi sebagai pusat pentadbiran, perbankan, perniagaan dan sebagainya
  - Pertanian - Perkembangan aktiviti pertanian komersial
  - Pengangkutan - Perkembangan sistem pengangkutan, contoh Kuala Lumpur
  - Pelabuhan - Peningkatan pengeluaran produk industri bijih timah dan getah menjadikan pelabuhan Klang, Melaka dan Pulau Pinang sebagai bandar pelabuhan
- (7 isi x 2 markah = mak 07 markah)

### c) Usaha-usaha British mengawal wabak penyakit

- Hospital - Menubuhkan hospital. Contoh di Taiping dan Kuala Lumpur
  - P/Perubatan - Pusat perubatan kecil, Contoh di Selangor (14), Pahang (2), Negeri Sembilan (3)
  - Tung Shin - Hospital yang dibina atas sumbangan orang perseorangan, memberikan perkhidmatan khusus kepada pekerja lombong bijih timah yang terdiri daripada imigran China.
  - Institut - Melalui penyelidikan. Contoh Institut Penyelidikan Perubatan bertanggung jawab untuk mengkaji penyakit dan langkah-langkah pencegahan.
  - Kebersihan - Kebersihan dan kesihatan awam terutamanya di bandar-bandar dititikberatkan
  - Sanitary - Penubuhan Sanitary Board untuk mengawas kebersihan dan kesihatan bandar di Kuala Lumpur dan di beberapa buah bandar di Perak.
  - Jabatan - Penubuhan Jabatan Kesihatan bertanggung jawab dari aspek kesihatan
- (7 isi x 2 markah = mak 07 markah)